

11 DEC 1997

Mahathir-OIC

KERUSI TETAP PBB BAGI NEGARA ISLAM BOLEH DIKAJI

TEHRAN, 11 Dis (Bernama) -- Idea bagi sebuah negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) diberi kerusi tetap di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) boleh dikaji, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, tiada sebab mengapa cadangan itu tidak boleh dilaksanakan jika perjanjian tertentu boleh dicapai di kalangan negara-negara anggota OIC.

"Ia bergantung kepada sama ada orang ramai bersedia untuk menerima perubahan. PBB ditubuhkan oleh orang ramai dan mengikut undang-undang manusia, bukan undang-undang tuhan. Jadi kita boleh mengubahnya jika kita mahu," kata beliau di persidangan berita sebelum pulang ke Kuala Lumpur selepas menghadiri sidang kemuncak OIC di sini.

"Sudah tentu masalahnya ialah siapa yang harus menjadi anggota tetap jika kita memilih di kalangan negara-negara Islam," kata beliau lagi.

Pemimpin tertinggi Iran, Ali Khamenei telah berkata dalam ucapan pembukaannya di sidang kemuncak itu pada Selasa lepas yang sekurang-kurangnya satu daripada 55-anggota OIC yang mewakili lebih satu bilion penduduk dunia perlu diperuntukan kerusi tetap di Majlis Keselamatan.

Setiausaha Agung PBB Kofi Annan, dalam persidangan berita di sini, hari ini bagaimanapun tidak bersetuju dengan cadangan itu dengan berkata, kerusi itu tidak diperuntukkan mengikut agama.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai cadangan membentuk Pasaran Bersama Islam seperti di Asean.

"Pasaran Bersama Islam adalah idea yang baik tetapi melaksanakannya adalah masalah besar," kata beliau.

Cadangan Asean untuk membentuk Zon Perdagangan Bebas Asean (AFTA) mengambil masa walaupun negara-negara yang terbabit merupakan jiran berdekatan, kata beliau.

"Negara-negara Islam tersebar di seluruh dunia dan kita mempunyai sistem kerajaan berbeza, dasar-dasar pelaburan dan perdagangan yang berbeza," katanya.

"Jika saya berkata ia boleh dilakukan, ia akan mengambil masa yang lama untuk mencapai dasar yang sama bagi membolehkan penubuhan pasaran bersama," kata beliau.

Beliau berkata, mungkin lebih baik bagi kumpulan lapan negara (D8) dalam OIC untuk mewujudkan pasaran bersama seperti itu.

"Jika mereka berjaya maka ia boleh diperluaskan kepada negara-negara Islam lain," kata beliau lagi. -- BERNAMA

AZZ PR